

KES T-225-2010 DALAM TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA
DI KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA

ANTARA

- 1. RATNASINGAM A/L AMPALAVANAR**
- 2. ARUMUGAM A/L NACHAPPAN**
- 3. JESWAN SINGH A/L SADARA SINGH**

PEMOHON-PEMOHON

DAN

KOPERASI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA BERHAD

RESPONDEN

ALASAN AWARD

Latar Belakang

1. Pertikaian ini telah berlaku kerana Responden telah meminda Undang-Undang Kecilnya (UUK) bagi menyingkirkan kesemua anggotanya yang telah bersara dan anggotanya yang bekerja kontrak yang sudahpun menjadi anggota dalam Responden untuk banyak tahun. Beberapa orang daripada mereka adalah di antara anggota pengasas. Anggota yang tersingkir tidak puas hati dan telah menfailkan Borang A memohon relif agar mereka dikekalkan sebagai anggota dalam Responden. UUK Responden telah dipinda dalam Mesyuarat Agung Tahunannya pada 17 Jun 2009 (MAT 2009). Terdapat berbagai-bagai pindaan yang dibuat pada hari tersebut dan kesemua pindaan tersebut selepas ini disebut sebagai UUK Terpinda.

Relif Yang Dipohon

2. Dalam Lampiran 7 di Borang A yang difalkan oleh ketiga-tiga Pemohon, dinyatakan bahawa relif yang dipohon daripada Tribunal Koperasi ini adalah seperti berikut:

- a. Pesara dari perkhidmatan dan pekerja kontrak yang telah diterima sebagai anggota koperasi PPUM Bhd (Responden) sebelum 17.9.2009 disahkan sebagai anggota Responden di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 10;
- b. Pindaan UUK yang didaftar pada 17.9.2009 tidak boleh digunakan secara retrospektif;
- c. Anggota-anggota ini boleh menikmati semua keistimewaan sebagai anggota biasa; dan
- d. Anggota-anggota yang telah terhenti perlu diberikan surat berdaftar untuk memberitahu mereka bahawa mereka dikekalkan sebagai anggota.

Cara UUK Terpinda Dibuat

3. Pemohon-Pemohon telah memanggil beberapa orang anggota Responden, termasuk Setiausaha Responden, untuk memberi keterangan bagi pihaknya. Keterangan SP1 En Mohd Yazid bin Ismail adalah bahawa UUK Terpinda telah tidak dibuat dengan teratur dalam beberapa aspek. Keterangan SP1 semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas jelas menunjukkan ketidakpuasannya dalam cara pindaan berkaitan dengan keanggotaan khasnya penyingkiran anggota yang telah bersara dijalankan semasa MAT 2009. Kesimpulan keterangannya adalah seperti berikut:

A. Tidak disediakan pemberitahuan pindaan yang lengkap

4. Berdasarkan kepada pengalaman SP1, pindaan yang dicadangkan akan dibincang di peringkat ALK terlebih dahulu. Kemudian bila didapati pindaan itu sesuai, Responden akan mencetak suatu pemberitahuan di mana ditunjukkan 3 kolum. 1 kolum akan menunjukkan peruntukan asal, 1 kolum lagi untuk pindaan yang dicadangkan dan kolum yang terakhir adalah catatan kenapa pindaan tersebut terpaksa dibuat. Dalam kes ini, pemberitahuan tersebut telah tidak disediakan.

5. En Hanifah bin Abdullah iaitu Setiausaha Responden telah dipanggil sebagai saksi ketiga Pemohon (SP3) dalam kes ini. Semasa pemeriksaan utama, keterangan yang diberikan oleh SP3 adalah seperti berikut:

“Soalan: Kamu telah memberi keterangan bahawa semua pindaan telah dibincang dan penjelasan diberikan. Adakah UUK 10(3) dibincang dan diberikan penjelasan juga?

Jawapan SP3: Ya.

Soalan: Saya kata kamu berbohong?

Jawapan SP3: Lembaga telah buat keputusan untuk mengemukakan UUK yang baru sahaja untuk dibincang dan tidak perlu dibincang yang hendak digugurkan. Ms 56-112 adalah UUK yang dibincang secara menyeluruh semasa MAT”.

6. SP3 telah mengulangi keterangan tersebut di atas semasa Pemeriksaan Semulanya.

7. Tribunal Koperasi ini memerhatikan bahawa apa yang diedarkan semasa MAT 2009 adalah seperti dalam ms 56-112 P2 di mana tidak ditunjukkan pindaan tambahan UUK baru yang dicadangkan, peruntukan UUK lama yang hendak dibatalkan atau perubahan pindaan UUK yang dicadangkan kepada keseluruhan UUK Responden tetapi merupakan salinan UUK yang bersih tanpa tanda-tanda pindaan ataupun catatan kenapa sesuatu pindaan diperlukan. Tribunal Koperasi ini tidak dapat mengesan daripada ms 56-112 P2 apakah UUK sedia ada, yang mana adalah UUK tambahan dan UUK yang mana yang telah dibatalkan semasa MAT 2009.

B. Tidak diedarkan pemberitahuan sebelum dan semasa MAT

8. Di masa dahulu, SP1 menyatakan bahawa pemberitahuan itu akan diedarkan bersama-sama dengan minit MAT yang lepas dan agenda bagi MAT yang akan datang kepada semua anggota. Dengan hanya berpandukan kepada ms 56-112 P2, seseorang anggota tidak akan mengetahui apakah cadangan yang baru, apakah peruntukkan sedia ada, apakah pindaan yang digugurkan dan asas pindaan juga tidak diberikan. SP1 telah membangkitkan perkara ini semasa MAT 2009 seperti mana yang tercatat dalam perenggan pertama di muka surat 8 P1 iaitu minit MAT 2009.

C. Tiada perbincangan setiap satu pindaan yang dicadangkan semasa MAT

9. Pemberitahuan ini akan dibincang di MAT dengan terperinci. Pengerusi mesyuarat harus membaca satu persatu pindaan yang dicadangkan dan memberikan penjelasan kepada anggota berkenaan pindaan yang hendak dibuat serta memberi penekanan kepada pindaan yang penting seperti UUK yang menyentuh keanggotaan ahli. Tetapi ini telah tidak dilakukan. Permintaan SP1 supaya pindaan kepada UUK dibincang dan dijelaskan satu persatu tidak dibenarkan oleh Pengerusi Mesyuarat secara menyeluruh. Isu berkenaan keanggotaan tidak dibincang dengan terperinci.

D. Tiada dicatat undian dengan betul

10. Biasanya, mengikut SP1, Pengerusi MAT akan bertanya samada terdapat suara yang bersetuju, atau tidak bersetuju atau mengecualikan diri dan setiap satu kategori undian akan dicatatkan dengan jelas.

11. Semasa pemeriksaan utamanya, SP3 telah dirujuk kepada minit MAT 38 ms15 P6, iaitu catatan berkenaan jumlah undian yang diterima. SP3 menyatakan bahawa dia tidak mencatatkan anggota yang tidak sokong dan berkecuali dan dia hanya mencatat jumlah anggota yang menyokong sebab dia tidak kira yang lainnya.

E. Masa yang terlalu singkat telah diberikan

12. Hanya 30 hingga 40 minit dihabiskan untuk membincangkan pindaan-pindaan yang begitu banyak sebanyak 79 muka surat. Walaupun terdapat perbincangan dan bantahan, kebanyakan pindaan tersebut dibincang sepintas lalu sahaja kerana sudah lewat dan kebanyakan anggota telah meninggalkan dewan.

F. Pindaan itu telah diluluskan bukan dengan 2/3 undian

13. Keterangan SP1 adalah pengiraan undi yang dibuat oleh Responden adalah berdasarkan kepada jumlah anggota yang hadir dalam MAT 2009 dan bukan berdasarkan kepada keseluruhan keanggotaan. Jika apa yang diperlukan adalah 2/3 daripada keanggotaan Responden, maka undian 2/3 tidak diperolehi.

14. Tribunal Koperasi ini memerhatikan bahawa buku daftar anggota Responden telah tidak dikemukakan semasa kes ini berjalan bagi menunjukkan jumlah keseluruhan anggota Responden sebenarnya walaupun mengikut, Borang D Pemohon, Responden diminta mengemukakan buku daftar tersebut.

15. Adalah tanggungjawab Responden untuk mengemukakan surat daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang memberi kebenaran pengurangan korum pengundian semasa MAT 2009 dan perkara itu juga mesti dicatatkan di dalam minit MAT 2009. Oleh kerana terdapat cabaran daripada pihak Pemohon berkenaan perkara ini, Responden seharusnya memberitahu kesemua anggota semasa MAT 2009 bahawa pengurangan korum telahpun diperolehi. Kegagalan mencatatkan perkara ini dalam minit MAT 2009 menunjukkan bahawa anggota tidak diberitahu mengenai pengurangan korum yang dibenarkan oleh SKM. Di sebaliknya, para 37.11.1 ms 7 P1, adalah dinyatakan bahawa:

“Beliau [Pengerusi Koperasi] juga menjelaskan pindaan undang-undang tersebut tidak boleh ditangguhkan memandangkan ini adalah kehendak Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan juga ianya boleh dibincangkan dan diteruskan setelah korum mesyuarat agung melebihi 2/3 daripada jumlah keanggotaan.”

16. Jika sebenarnya SKM telah memberikan izin pengurangan korum kepada Responden, pasti Pengerusi Responden tidak akan berkata begitu seperti di atas. Pegawai SKM yang hadir di mesyuarat tersebut juga menyatakan perkara yang sama. Jika surat kebenaran itu diterima setelah MAT 2009 diadakan, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa ianya tidak terpakai sebab sudah terlewat. Jikapun adanya surat tersebut, adalah didapati bahawa SKM telah memberikan kebenaran pengurangan korum tersebut bagi membantu Responden membuat pindaan kepada UUKnya bagi menepati pindaan kepada Akta Koperasi 1993 atau Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, tetapi Responden telah mengambil kesempatan membuat pindaan tambahan yang menyentuh keanggotaan dan memberikan gambaran kepada anggotanya bahawa kesemua pindaan itu adalah kehendak SKM.

17. Jika Responden telah sediakan pemberitahuan sepertimana yang disebutkan oleh SP1, maka catatan boleh dibuat dan anggota boleh mendapat maklumat yang jelas tentang pindaan manakah yang diperlukan oleh SKM akibat daripada pindaan kepada Akta Koperasi 1993 atau Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 dan pindaan manakah yang dicadangkan oleh Pengerusi dan Setiausaha Responden sendiri. Perkara ini amatlah penting terutama sekali bila SP3 sendiri memberi keterangan bahawa tujuan mengugurkan pesara dan anggota dalam perkhidmatan kontrak bukan arahan daripada SKM atau bertujuan bagi memburukkan nama SKM walaupun di para ketujuh Laporan Tahunan Lembaga Koperasi Sesi ke 39 yang dikemukakan di ms1 Lampiran B P5 dan juga di ms 18 P2 (dokumen yang sama), Responden telah menyatakan bahawa pindaan kepada UUK dibuat “seperti yang disarankan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia selaras dengan Akta Koperasi”.

18. SP3 mengaku bahawa SKM tidak pernah meminta pindaan dibuat kepada UUK Responden bagi memecat anggota yang telah bersara, bekerja kontrak dan sementara. Mengikut hujahan Pemohon, apa yang dikatakan oleh Pengerusi Responden di para 37.11 para kedua dan ketiga P1, semasa MAT 2009 telah memberi gambaran bahawa kesemua pindaan yang dibuat adalah atas arahan SKM tetapi kesemua pindaan tersebut berkenaan dengan penyingkiran anggota bersara sebenarnya telah dicadangkan oleh Pengerusi dan Setiausaha Responden.

G. Pindaan tidak menepati UUK 29(2).

19. Keterangan SP1 adalah UUK 29(2) memperuntukan bahawa korum bagi mesyuarat agung meminda UUK hendaklah 2/3 daripada jumlah anggota Responden, melainkan korum terkurang dibenarkan oleh SKM. Di muka surat 8 P1, jumlah anggota yang bersetuju dengan cadangan pindaan UUK adalah 1299 anggota manakala, anggota Responden yang berdaftar adalah seramai 2255 orang.

20. SP1 menyatakan bahawa anggota yang berdaftar untuk MAT 2009 adalah 1717 orang manakala anggota yang menyokong pindaan adalah 1299 orang. Oleh itu, korum 2/3 daripada anggota berdaftar tidak mencukupi bagi membuat pindaan tersebut. Korum yang mencukupi adalah 2/3 daripada keahlian dan bukannya 2/3 daripada ahli anggota yang hadir mesyuarat seperti mana diujahkan oleh Responden.

H. Tiada penjelasan yang mencukupi daripada Pengerusi Responden

21. Keterangan SP1 adalah semasa perbincangan cadangan pindaan tersebut, Pengerusi Responden telah tidak memberikan penjelasan kenapa anggota yang telah bersara perlu ditamatkan keanggotaan mereka dan asas bagi pindaan tersebut tidak disebutkan.

I. Notis MAT tidak sah

22. Semasa pemeriksaan balas, SP1 ditanya sama ada notis MAT 2009 itu mencukupi iaitu lebih daripada 14 hari. Mengikut SP1, Notis itu bertarikh 14.5.2009 dan MAT 2009 adalah pada 17.6.2009. Notis itu diterimanya selepas 3.6.2009. Maka dari tarikh SP1 menerima Notis MAT 2009 sehingga tarikh MAT 2009, memang tidak mencukupi 14 hari.

23. Tiada keterangan diberikan oleh SP3 mengenai tarikh pengeposan Notis MAT 2009. SP3 hanya bergantung kepada tarikh Notis MAT 2009 dan berhujah bahawa masa yang mencukupi telah diberikan. Tiada sebarang akuan pengeposan dikemukakan juga dan SP3 juga tidak menyatakan masa berapa lama yang dihabiskan untuk mencetak P2 sebelum ianya siap untuk diedarkan kepada kesemua anggota. Tanpa keterangan tersebut daripada SP3, maka Tribunal Koperasi ini terpaksa menerima keterangan SP1 yang tidak ditentang oleh Responden, terutama sekali kerana jawapan itu diberikan semasa pemeriksaan balas SP3.

J. Pindaan turut tidak sah

24. Semasa pemeriksaan balas, SP1 juga ditanya sama ada sebagai seorang bekas ALK adakah dia bersetuju bahawa jika Notis MAT tidak mencukupi 14 hari, maka pindaan kepada UUK tidak boleh dilakukan. SP1 menyatakan bahawa memang betul tetapi itulah yang telah berlaku.

K. Sebab pindaan diluluskan

25. Semasa pemeriksaan balas, SP1 mengekalkan pendiriannya bahawa pindaan tersebut telah diluluskan kerana Agenda ini dibincangkan pada lewat hari iaitu hampir 7.30 malam dan anggota sudah hendak balik dan mereka lebih mementingkan peruntukan berkenaan elaun dan bukan isu pindaan UUK. Menurut SP1, isu penamatan keanggotaan perlu dihuraikan dengan terperinci. Jika tidak, anggota-anggota tidak akan memahami kepentingan dan kesan pindaan peruntukkan tersebut.

L. Aduan yang sama oleh SP2

26. Keterangan SP1 juga disokong SP2, iaitu salah seorang anggota Responden sejak tahun 1971 yang menyatakan bahawa keadaan pada masa itu huru-hara dan terdapat pengiraan beberapa kali atas cadangannya supaya cadangan pindaan UUK Responden ditangguh ke hari yang lain. Menurut SP2, ramai anggota yang tidak tahu apakah sebenarnya UUK Terpinda itu sebab pindaan tersebut tidak disenaraikan dengan terperinci untuk pertimbangan anggota Responden. Anggota pada masa itu lebih mementingkan soal mendapatkan elaun mereka dan mahu balik.

27. SP2 menyatakan bahawa dia tidak diberi peluang membentangkan pendapatnya dan Pengerusi Responden terburu-buru hendak meluluskan pindaan tersebut. Dia juga telah memohon supaya dipaparkan peruntukkan asal dan pindaan yang dicadangkan supaya

semua anggota akan memahami pindaan yang dicadangkan demi kebaikan semua anggota.

Keterangan Setiausaha Responden

28. Selain daripada keterangan di atas yang telah disenaraikan, SP3 juga memberi keterangan bahawa terdapat 78 orang pesara yang terlibat dalam proses penyingkiran pesara sebagai anggota Responden. Senarai pesara yang disingkirkan adalah seperti di ms 18-19 P9. SP3 tidak bersetuju bahawa penyingkiran anggota yang telah bersara adalah bertujuan hendak mengelak daripada membayar dividen kepada mereka tetapi sebab sebenarnya adalah untuk melicinkan dan memudahkan pentadbiran Responden.

29. Akan tetapi, bila SP3 ditanya tentang kesusahan yang Responden hadapi dalam pengurusan Koperasi dengan pesara, SP3 menyatakan bahawa sebenarnya tidak terdapat kesusahan kerana pesara dibayar dividen dengan cek dan mereka datang ke pejabat Koperasi untuk mengambil cek mereka.

30. Menurut SP3, kesemua anggota ini telah ditamatkan keanggotaan mereka mengikut cara yang sama dengan menggunakan UUK yang sama yang dipinda dalam MAT 2009. Fakta dan keadaan dalam kesemua 78 kes adalah sama seperti dalam kes ini.

Pindaan kepada UUK Responden

31. Setelah pindaan tersebut dibuat dalam MAT 2009, Responden telah mengemukakan pindaan tersebut kepada SKM untuk didaftarkan. Pendaftaran UUK telah diluluskan oleh SKM pada 17.9.2009 mengikut Perakuan Pendaftaran Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil yang dikeluarkan oleh SKM (Perakuan Pendaftaran Pindaan) dan dikemukakan sebagai Lampiran kepada Borang A yang difailkan oleh Pemohon-Pemohon. Akan tetapi, Responden telah tidak menunjukkan apa yang dihantar kepada SKM untuk

diluluskan dalam pendengaran ini. Oleh ini tidak diketahui apakah yang sebenarnya diluluskan melalui Perakuan Pendaftaran Pindaan tersebut.

32. Responden berhujah bahawa mengikut seksyen 18(2) Akta Koperasi 1993, pindaan UUK Responden telah menjadi sah bila ianya didaftarkan di bawah Akta Koperasi oleh SKM tanpa mengira apa yang telah berlaku semasa MAT 2009. Di para 6 Nota Penghujahan Responden yang dikemukakan oleh Setiausaha Responden, adalah dinyatakan bahawa Perakuan Pendaftaran Pindaan tersebut bertarikh 17 Jun 2009.

33. Setelah meneliti Perakuan Pendaftaran Pindaan, Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa tarikh sebenar adalah 17 September 2009 di mana dinyatakan seperti berikut:

“Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini 17 September tahun dua ribu sembilan”

34. Hujahan Pemohon adalah tiada usul dikemukakan supaya UUK 10(3) dibatalkan semasa UUK Terpinda dibincang semasa MAT 2009. Maka UUK 10(3) masih berkuatkuasa. Menurut Peraturan 6(1)(a), Peraturan-Peraturan Koperasi, tiap-tiap pindaan hendaklah dibuat menurut ketetapan yang diluluskan oleh suatu majoriti di mesyuarat agung koperasi berdaftar itu. Oleh kerana pembatalan UUK 10(3) tidak pernah dikemukakan sebagai suatu usul, maka tiada resolusi yang diluluskan oleh MAT. Oleh ini UUK 10(3) tersebut masih terus berkuat kuasa. Hujahan Pemohon-Pemohon adalah seperti berikut:

“UUK 10(3) had not been deleted so it is still law. The provision was never put before the MAT to be deleted or repealed so it still stands.

We would like the Tribunal to give us a declaration that we the old members who had already become members of the Respondent before the

amendment of the UUK cannot be made to become non members or to have the new provisions take away our existing rights. We ask to be reinstated as members with full rights as at the date before the amendment of the UUK”.

I attended the AGM 2009 where the amendments to UUK 21(1)(d) was proposed to be amended. There was no comparison between the old by-laws and the proposed amendments shown to the members. Refer to Rule 6 Co-operative Rules where the Rules have to be tabled and every amendment has to be tabled for approval. This was not done even though there was objection from the members present at the meeting. Under section 18(7) of the 1993 Act, “pindaan” termasuklah pembuatan sesuatu undang-undang kecil baru dan pengubahan atau penghapusan sesuatu undang-undang kecil’.

35. Pemohon-Pemohon adalah terikat dengan relif yang dipohon di dalam Borang A yang difailkan. Adalah jelas bahawa walaupun tidak disebutkan dalam Akta Koperasi 1993, SKM akan mendaftarkan UUK Terpinda hanya jika ianya diluluskan dengan sah dan teratur semasa MAT 2009. Tribunal Koperasi ini tidak akan memutuskan bahawa UUK Terpinda adalah terbatal kerana relif yang dipohon oleh Pemohon-Pemohon tidak termasuk relif membatalkan UUK Terpinda.

36. Akan tetapi, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa walaupun UUK Terpinda tersebut telah didaftarkan pada 17 Sept 2009, ia boleh dicabar jika didapati bahawa ianya tidak dibuat dengan memenuhi segala syarat dalam Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan UUK Responden. Berdasarkan kepada alasan bahawa terdapat banyak kecacatan dalam meluluskan UUK Terpinda, maka Tribunal Koperasi ini boleh memutuskan bahawa UUK Terpinda itu terbatal dan tidak mengikat Pemohon-Pemohon dan dengan itu, keanggotaan mereka tidak boleh ditamatkan dengan merujuk kepada UUK Terpinda tersebut. .

Undang-Undang Kecil Asal Responden

37. Walaupun demikian, relif yang dipohon oleh Pemohon-Pemohon adalah suatu keputusan bahawa “Pindaan UUK yang didaftar pada 17.9.2009 tidak boleh digunakan secara retrospektif”. Oleh kerana ini adalah relif yang dipohon oleh Pemohon-Pemohon, maka Tribunal Koperasi ini akan memutuskan isu tersebut berdasarkan atas anggapan bahawa UUK Terpinda Responden adalah sah dan tidak terbatal. UUK 10(3) Responden yang asal di ms 10 P7 jelas memperuntukkan bahawa kakitangan yang bersara mempunyai hak untuk kekal menjadi anggota Responden jika dia memilih untuk membuat demikian. Yang diberikan kuasa membuat pilihan untuk kekal sebagai anggota Responden adalah anggota sendiri dan bukannya Responden. UUK10 adalah seperti berikut:

“(1) Keanggotaan Koperasi ini terbuka kepada kakitangan Hospital Universiti.

(2) Menurut Seksyen 26 dan 27 Akta, seseorang yang ingin menjadi anggota Koperasi ini mestilah

(a) warganegara Malaysia;

(b) telah mencapai umur lapan belas tahun;

(c) bermastautin atau bekerja atau mempunyai tanah dalam kawasan operasi Koperasi ini; dan

(d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar, atau tidak upaya dari segi mental, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

(3) Kakitangan Hospital Universiti yang bersara dari perkhidmatan bolehlah terus kekal menjadi anggota Koperasi ini dan menikmati segala keistimewaan seperti anggota biasa. [Tekanan ditambahkan]

(4) Bekas anggota boleh dipertimbangkan untuk menjadi anggota semula selepas genap satu tahun dari tarikh kelulusan pemberhentiannya oleh Lembaga”.

Hujahan Pemohon Berkenaan Pindaan Kepada UUK 10(3)

38. Setelah disemaknya ms 68 P2, adalah didapati bahawa UUK 10 telah dipinda kepada yang berikut:

“10. Anggota-anggota Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan Koperasi dan **seseorang yang diterima menjadi anggota menurut Peraturan dan Undang-Undang Kecil ini selepas pendaftaran.**”
[Tekanan ditambahkan]

39. Setelah dibacanya UUK 10 yang telah dipindakan di atas, Tribunal Koperasi ini boleh memutuskan bahawa Pemohon-Pemohon masih merupakan anggota Responden kerana mereka memang telah diterima sebagai anggota Responden selepas Responden didaftarkan. Akan tetapi, menurut Responden, kelayakan menjadi anggota di bawah UUK 11 juga telah dipinda dan oleh itu, Pemohon-Pemohon tidak boleh terus menjadi anggota Responden. Hujahan Responden tersebut ditelitikan di bawah ini.

Notis Pemberitahuan Responden Bertarikh 16 Nov 2009

40. Selepas menerima pengesahan SKM bahawa pindaannya telah didaftarkan, Setiausaha Responden telah mengeluarkan Notis Pemberitahuan bertarikh 16.11.2009 kepada Pemohon-Pemohon dan lain-lan anggota Responden yang telah bersara. Notis Pemberitahuan itu yang ditujukan kepada “Semua Anggota” Responden juga dikemukakan bersama-sama dengan Borang A.

41. Di antara lain, para 1 Notis Pemberitahuan itu menyatakan bahawa ‘staf PPUM yang masih berkhidmat secara kontrak dan yang telah bersara serta masih menjadi anggota Koperasi PPUM Berhad, akan ditamatkan keanggotaannya mengikut Undang-Undang Kecil 11’.

42. Pemohon-Pemohon adalah di antara anggota-anggota yang telah menerima Notis Pemberitahuan ini dan mereka telah membantah terhadap penyingkiran mereka sebagai anggota dalam Responden dengan alasan bahawa UUK yang baru tidak terpakai terhadap mereka kerana UUK tersebut tidak boleh dikuatkuasakan secara retrospektif.

43. Alasan kedua yang dikemukakan oleh Pemohon-Pemohon adalah bahawa mereka telah menjadi anggota Responden sejak berpuluh-puluh tahun dahulu dan UUK 11 yang digunakan untuk menyingkirkan mereka adalah tidak terpakai terhadap mereka sebab UUK 11 yang dibaca bersama-sama dengan UUK 12 hanya terpakai terhadap orang-orang yang ingin memohon menyertai keanggotaan Responden manakala Pemohon-Pemohon bukan hendak memohon untuk keanggotaan bahkan telah sedia merupakan anggota Responden.

44. Dalam Nota Penghujahan bertulis Responden, adalah dinyatakan bahawa pindaan kepada UUK yang telah diluluskan oleh MAT dan dibenarkan oleh Akta Koperasi 1993

untuk berkuatkuasa. Menurut Responden lagi, “adalah menyalahi UUK Responden apabila keputusan majoriti anggota Responden yang hadir di dalam MAT dipertikaikan sedangkan anggotalah yang berkuasa menentukan perjalanan Koperasi mereka”.

45. Kedua-dua pihak telah tidak memberikan sebarang nas undang-undang untuk menyokong penghujahan mereka. Tribunal Koperasi ini telah menelitikan dan menimbangkan penghujahan Responden di atas dengan berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip undang-undang yang terpakai di negara kita. Bagaimana Tribunal Koperasi ini hendak mentafsirkan UUK Terpinda itu adalah terkandung dalam petikan yang dikekukakan di bawah ini.

46. Dalam “**Cross Statutory Interpretation Lexis Nexis Butterworths Edisi Ketiga, ms 165**, adalah dinyatakan seperti berikut:

Statutes often go into considerable detail, but even so allowance must be made for the fact that they are not enacted in a vacuum. A great deal inevitably remains unsaid. Legislators and drafters assume that the courts will continue to act in accordance with well-recognized rules....

Long-standing principles of constitutional and administrative law are likewise taken for granted, or assumed by the courts to have been taken for granted, by Parliament. Examples are the principles that discretionary powers conferred in apparently absolute terms must be exercised reasonably, and that administrative tribunals and other such bodies must act in accordance with the principles of natural justice. One function of the word ‘presumption’ in the context of statutory interpretation is to state the result of this legislative reliance (real or assumed) on firmly established legal principles. There is a ‘presumption’ that mens rea is required in the case of statutory crimes, and a ‘presumption’ that statutory powers must be exercised reasonably. These presumptions apply although there is no question of linguistic ambiguity in the statutory wording under construction, and they may be described as ‘presumptions of general application’. At the level of interpretation, their function is the promotion of brevity on the part of the drafter. Statues make dreary enough reading as it is, and it would be ridiculous to insist in

each instance upon an enumeration of general principles taken for granted.

These presumptions of general application not only supplement the text, they also operate at a higher level as expressions of fundamental principles governing both civil liberties and the relations between Parliament, the executive and the courts. They operate here as constitutional principles which are not easily displaced by a statutory text. Although the point lacks clear authority, it is probably true to say that some of them can only be rebutted by express words; nothing in the nature of implication, even necessary implication, will suffice”.

47. Pada pandangan Tribunal Koperasi ini, petikan di atas adalah jawapan kepada apa yang diujahkan oleh Responden. Responden yang tidak diwakili peguam mungkin tidak tahu dan faham akan prinsip interpretasi undang-undang yang diketarakan dalam **Cross**. Responden patut tahu bahawa walaupun MAT merupakan badan tertinggi dalam Koperasi, MAT adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang pentadbiran yang telah mantap, dan prinsip-prinsip wajib berkaitan dengan hak asasi rakyat dan perhubungan di antara Parlimen, pihak eksekutif dan mahkamah sepertimana dinyatakan di atas, termasuk UUKnya sendiri dan Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya. Maka, Tribunal Koperasi ini berpendapat dengan sebulat suara bahawa UUK Responden hendak dibaca bersama-sama prinsip-prinsip undang-undang perlembagaan dan pentadbiran sedia ada.

48. Selain daripada ‘*presumptions of general application*’ yang tersebut di atas, terdapat juga “presumption against retrospective operation”. Di **ms 187-190, Cross Statutory Interpretation Edisi Ketiga**, adalah dinyatakan seperti berikut:

“The presumption against the retrospective operation of statutes concerned with the substantive law could perhaps be treated as a facet of the presumption against interference with vested rights, ... The statute must affect some vested right or impose a penalty for past acts which were not penalized when they were committed”.

*“A recent statement of the principle is that of Staughton LJ in the case of **Secretary of State for Social Security v Tunncliffe** [1991] 2 All ER 712 at 724 where the dictum was approved but applied with different result by the House of Lords:*

‘In my judgment the true principle is that Parliament is presumed not to have intended to alter the law applicable to past events and transactions in a manner which is unfair to those concerned in them, unless a contrary intention appears. It is not simply a question of classifying an enactment as retrospective. Rather it may well be a matter of degree - the greater the unfairness, the more it is to be expected that Parliament will make it clear if that is intended.

*Lord Mustill in the House of Lords in the case of **L’Office Cherifien des Phosphates v Yamashita-Shinnihon Steamship Co Ltd** [1994] 1 All ER 20 at 29 stated that for him, the correct approach was to weigh the various factors, such as the value of the rights, the unfairness of adversely affecting those rights, and the clarity of the statutory language, before answering the question ‘whether the consequences of reading the statute with the suggested degree of retrospectivity is so unfair that the words used by Parliament cannot have been intended to mean what they might appear to say’.*

*...Previous editions of this work have discussed whether the presumption against retrospective operation is one of general application in the sense that it is to be applied unless rebutted by clear words or necessary implication, or is merely a presumption which only comes into play where there is ambiguity. The recent approach of the courts discussed here suggests that the courts operate a two-stage test. First, in the absence of inescapably clear words, they consider whether it would be unfair to apply the provision retrospectively. Second, if they conclude that to apply it would be unfair, this brings the presumption into play in its stronger form as requiring rebuttal by clear words or necessary implication. As **Plewa v Chief Adjudication Officer** [1994] 3 All ER 323 illustrates, once the courts have concluded that it would be unfair to apply a provision retrospectively, they will rarely find themselves constrained to say that Parliament intended to act unfairly in that way. Where the courts conclude that it would not be unfair, then*

they will give effect to the purpose of the provision which may lead to its retrospective application”.

49. Adalah jelas dalam kes ini bahawa ‘*vested rights*’ Pemohon-Pemohon sebagai anggota Responden telah terjejas. Ini adalah sesuatu yang “unfair” yang dimaksudkan dalam petikan di atas. Walaupun UUK Responden bukannya suatu rang undang-undang Parlimen, prinsip yang sama terpakai dalam mentafsirkan UUK tersebut. Menurut keterangan SP3 iaitu Setiausaha Responden tidak terdapatnya sebarang kesusahan yang dialami oleh Responden dalam mentadbir atau menguruskan Koperasi dengan adanya pesara atau orang yang berkhidmat secara kontrak di kalangan anggotanya. Maka, setelah menimbangkan fakta kes ini dengan prinsip undang-undang yang jelas, Tribunal Koperasi ini telah menggunakan “two-stage test” yang disebutkan di atas dan mendapati bahawa pindaan UUK Responden yang dipinda di MAT 2009 hanya mula berkuatkuasa pada 17 September 2009 iaitu tarikh ianya didaftarkan menurut s18(3) Akta Koperasi 1993.

50. Tribunal Koperasi ini juga mendapati bahawa pindaan UUK tersebut tidak berkuatkuasa secara retrospektif dan oleh itu tidak menjejaskan hak sedia ada anggota-anggotanya. Penguatkuasaan UUK tersebut secara retrospektif ke atas anggota-anggota yang sudah mempunyai hak masing-masing adalah tidak adil dan mengikut *two-stage test* yang disebutkan di atas, pindaan retrospektif tersebut tidak boleh dibenarkan. Justeru itu, Responden juga tidak boleh menggunakan UUK 11(1) iaitu UUK yang berkaitan dengan kelayakan menjadi anggota dan UUK 21(1)(d) iaitu UUK yang menyatakan bila seseorang anggota itu terhenti daripada menjadi anggota, untuk memberhentikan keanggotaan Pemohon-Pemohon kerana kedua-dua UUK tersebut hanya dipinda pada MAT 2009 dan tidak boleh berkuatkuasa secara retrospektif ke atas anggota-anggota sedia ada. Maka, adalah jelas bahawa pindaan UUK Responden berkenaan kelayakan menjadi anggota dan terhentinya menjadi anggota yang berkuatkuasa pada 17 September 2009 hanya terpakai terhadap orang-orang yang diterima menjadi anggota Responden selepas 17 September 2009.

51. Dalam kes **National Land Finance Co-operative Society Ltd. V Director General of Inland Revenue [1993] 4 CLJ 339**, Mahkamah Agung memutuskan bahawa hak sedia ada seseorang pembayar cukai tidak boleh dibatalkan secara retrospektif kerana seksyen 30 Akta Tafsiran 1967 mempertahankan “acquired and existing right” tersebut. Seksyen 30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) yang dirujuk oleh Mahkamah Agung adalah seperti berikut:

Section 30 Matters not affected by repeal

(1) The repeal of a written law in whole or in part shall not-

(a) affect the previous operation of the repealed law or anything duly done or suffered thereunder: or

(b) affect any right, privilege, obligation or liability acquired, accrued or incurred under the repealed law; [Tekanan ditambahkan] or

(c) affect any penalty, forfeiture or punishment incurred in respect of any offence committed under the repealed law; or

(d) affect any investigation, legal proceeding or remedy in respect of any such right, privilege, obligation, liability, penalty, forfeiture or punishment, and any such investigation, legal proceeding or remedy may be instituted, continued or enforced, and any such penalty, forfeiture or punishment may be imposed, as if the repealing law had not been made”.

52. Dalam kes **Syed Ibrahim Syed Mohd & Ors v Esso Production Malaysia Incorporated [2004] 1 CLJ 889, 923 Mahkamah Rayuan** memutuskan bahawa:

“The High Court and the Federal Court in **Wong Pot Heng & Anor v Kerajaan Malaysia [1992] 3 CLJ 1497; [1992] 3 CLJ (Rep) 776 HC** made it clear that a vested or an accrued right cannot be taken away because of the protection given by section 30 of the Interpretation Acts. A vested or an accrued right could not be taken

away by a legislation or subsidiary legislation with retrospective effect which have the effect of repealing a vested or an accrued right such as repealing the provisions giving the vested or accrued right.”

53. Di ms 923 kes yang sama, Mahkamah Rayuan membuat keputusan bahawa:

“A vested or an accrued right could not be taken away by a legislation or subsidiary legislation with retrospective effect which have the effect of repealing a vested or an accrued right such as repealing the provisions giving the vested or accrued right. The authorities we have cited affirm this view.”

54. Berdasarkan kepada prinsip-prinsip undang-undang di atas yang mengikat Tribunal Koperasi ini, maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa keanggotaan Pemohon-Pemohon sebagai anggota Responden dipertahankan daripada pindaan retrospektif kerana keanggotaan itu adalah suatu “vested or accrued right” yang dimaksudkan di dalam s30 Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Tambahan lagi, Pemohon tidak mempunyai kuasa untuk membuat pindaan retrospektif terhadap UUKnya kerana tiada peruntukan dalam Akta Koperasi 1993 yang membenarkan atau memberikan kuasa kepada sesebuah Koperasi membuat pindaan retrospektif kepada UUKnya.

55. Secara kesimpulan, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa

a. pindaan UUK yang didaftarkan oleh Responden pada 17.9.2009 tidak boleh digunakan secara retrospektif dan hanya berkuatkuasa terhadap orang-orang yang diterima sebagai anggota Responden selepas 17.9.2009; Oleh ini,

b. pesara dari perkhidmatan PPUM dan pekerja kontrak yang telah diterima sebagai anggota koperasi Responden sebelum 17.9.2009 masih kekal sebagai anggota

Responden di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 10 kecuali jika mereka memilih untuk memberhentikan keanggotaan mereka dengan sukarela; dan

c. anggota-anggota ini boleh menikmati semua keistimewaan keanggotaan sebagai anggota biasa; dan

d. Anggota-anggota yang telah diberhentikan mengikut Notis Pemberitahuan bertarikh 16 November 2009 perlu diberikan surat berdaftar oleh Responden untuk memberitahu mereka bahawa mereka dikekalkan sebagai anggota dan pemberhentian mereka dibatalkan.

Pemulangan Pinjaman oleh SP4

56. Dalam pemeriksaan utama SP4, dia telah menyatakan seperti berikut:

“I have a loan with the Respondent. I borrowed RM9000 from the Respondent but the Respondent had stopped receiving my monthly installments and had returned me my cheques.”

57. Semasa Pemeriksaan Balas SP4, dia telah ditanya seperti berikut:

“Pengerusi Resp: Kamu ada menyebut kamu ada meminjam RM9000.00. Bilakah tarikh akhir kamu menjelaskan bayaran ansuran pinjaman tersebut?”

Jawapan SP4: Up to Sept 2010 if I am not mistaken.

Pengerusi Resp: Mengikut rekod kami, kamu telah menjelaskan bayaran pinjaman sehingga bulan Feb 2010 sahaja?

Jawapan SP4: Mungkin sehingga Mac 2010. Saya telah hantar 3 cek dan ketiga-tiga telah dipulangkan kepada saya.

Pengerusi Resp: Kenapa kamu berhenti menghantar cek kepada Responden?

Jawapan SP4: Sebab setiap kali saya hantar, ianya dikembalikan oleh Responden. Ini membazirkan wang Koperasi dan membuang masa sahaja.

Pengerusi Resp: Bukankah sebagai seorang ahli, ianya adalah tugas kamu untuk terus membuat bayaran kepada Responden walau pun ianya dipulangkan kepada kamu?

Jawapan SP4: Apa faedahnya? Saya membuang duit untuk hantar dan setiap kali Koperasi juga membuang duit untuk mengembalikan bayaran tersebut kepada saya.

Pengerusi Resp: Tiada soalan lagi”.

58. Walaupun tiada tuntutan atau relif yang dipohon dalam kes ini berkenaan isu ini, perkara ini perlu diberikan penjelasan. Sebagai klarifikasi kepada isu ini, Tribunal Koperasi ini menyatakan bahawa pembayaran dan pengutipan wang pinjaman adalah tugas dan tanggung jawab wajib oleh anggota dan Koperasi masing-masing. Oleh ini, Responden tidak boleh engkar mengutip wang pinjaman daripada peminjam jika peminjam ada membuat pembayaran. Jika peminjam tidak membuat bayaran ansuran, adalah tanggung jawab Responden untuk menuntut ansuran tunggakan itu daripada peminjam. Oleh ini, SP4 diminta terus membuat bayaran pinjamannya kepada Responden sehingga ianya selesai dibayar dan Responden diarahkan menerima bayaran yang dibuat oleh SP4.

Pembayaran Dividen Kepada Para Pemohon Dalam Tahun 2005

59. Semasa memberikan keterangannya, SP4 telah membangkitkan isu berkaitan 2 kes terdahulu di hadapan Tribunal Koperasi ini *albeit* korum yang berlainan. Satu kes adalah

T-401-2008 dan satu lagi adalah kes T-242-2009. Kedua-dua kes ini adalah berkaitan dengan tuntutan dividen oleh anggota Responden terhadap Responden. Dalam kedua-dua kes tersebut, Pemohon-Pemohon telah memohon supaya dibayar dividen sebanyak 7.2% di atas baki simpanan modal yuran tahun 2005 yang tidak dibayar oleh Responden kerana simpanan yuran anggota-anggota yang terlibat telah dikeluarkan daripada simpanan modal yuran mereka tanpa pengetahuan atau kebenaran mereka oleh Responden bagi mengelak daripada membayar dividen atas jumlah keseluruhannya.

60. Kes T401-2008 telah didengar dan diputuskan oleh panel yang terdiri daripada Tuan Sapini bin Mat Saman, Tuan Haji Ibrahim bin Haji Kasah sebagai anggota panel SKM dan Tuan Haji Md Yusuf bin bin Osman sebagai anggota panel koperasi; manakala kes T-242-2009 telah dipengerusikan oleh Puan Mahiran binti Md Isa dan ahli panel SKM adalah Tuan Zazali bin Haron bersama dengan Tuan Haji Miptah bin Rohsin sebagai anggota panel koperasi. Award kes T-401-2008 telah dikemukakan sebagai P3 di mana setelah pendengaran kes, Tribunal Koperasi tersebut telah memutuskan bahawa Pemohon dalam kes tersebut iaitu Pemohon 1 dalam kes ini berhak menikmati segala keistimewaan seperti anggota biasa koperasi dan tuntutan dividennya dibenarkan.

61. Award kes T-242-2009 telah dikemukakan sebagai P4 dalam kes ini dan Pemohon dalam kes tersebut, ialah Pemohon 2 dalam kes ini. Tribunal Koperasi pada masa itu telah memberikan award yang memihak kepada Pemohon 2 dengan persetujuan Setiausaha Responden, iaitu SP3 dalam kes ini, yang telah menghadiri kes tersebut bagi pihak Responden. Mengikut keterangan SP4, selain daripadanya, terdapat juga 2 pemohon-pemohon yang lain. Dalam keterangannya, SP4 menyatakan seperti berikut:

We also asked En Amran after the case in the Tribunal itself and he told us not to worry and that all 3 of us would be paid. When the other 2 applied to him for their dividend to be paid, he asked them to go to the Tribunal again.

When P2 could not get his money, he filed a case and got an award in his favour and the Respondent paid him. See P4”.

62. Pendirian Responden adalah setiap satu orang anggota hendaklah membuat tuntutan di Tribunal Koperasi ini sebelum tuntutan mereka untuk dividen bagi tahun 2005 akan diselesaikan oleh Responden.

63. Setelah mengkaji fakta kes tersebut dan undang-undang terlibat, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara mendapati bahawa keputusan Tribunal Koperasi terdahulu perlu dipatuhi oleh pihak-pihak yang terlibat. Oleh kerana pendirian Responden untuk tidak membayar dividen tersebut tanpa suatu kes difailkan oleh setiap anggota yang terlibat di Tribunal Koperasi terdahulu, Pemohon 2 telah memulakan suatu kes berlainan di hadapan koram Tribunal Koperasi yang berlainan. Akan tetapi dapatlah dilihat daripada nota prosiding kes T242-2009 bahawa pendirian itu hanya membazirkan masa kesemua pihak yang terlibat termasuk masa Tribunal Koperasi tersebut, dan melengahkan masa serta menambahkan kos bagi kedua-dua pihak kerana semasa prosiding kes tersebut, Responden bukan sahaja tidak membawa sebarang hujahan tetapi telah memberikan persetujuan membuat bayaran dividen tersebut kerana ia memang tahu ia terikat dengan prinsip undang-undang yang diutarakan dalam award P3.

64. Maka, Tribunal Koperasi ini hendak menyatakan bahawa menurut seksyen 83(6) Akta Koperasi 1993, Award Tribunal Koperasi ini mengikat pihak-pihak yang terlibat dan di mana prinsip undang-undang dan fakta adalah sama, pihak-pihak adalah terikat dengan Award Tribunal Koperasi ini dan adalah tidak perlu bagi setiap satu orang anggota membawa kes pertikaian yang berasingan ke Tribunal Koperasi ini dan membuat tuntutan berasingan bagi perkara yang sama. Oleh ini, Responden diarahkan mematuhi prinsip undang-undang yang diputuskan oleh Tribunal Koperasi yang terdahulu dan membuat bayaran kepada semua anggota yang berada dalam keadaan yang sama, sama ada mereka ada failkan pertikaian di Tribunal Koperasi ini atau tidak.

65. Dalam kes ini juga, oleh kerana mengikut seksyen 83(6) Akta Koperasi 1993, Award sesuatu Tribunal Koperasi hendaklah mengikat mana-mana pihak, maka award dalam kes ini mengikat Responden dan adalah tidak perlu bagi setiap orang anggota atau pesara yang telah disingkirkan sebagai anggota mengemukakan kesnya yang berasingan. Maka, Tribunal Koperasi ini memutuskan bahawa nama dan keanggotaan kesemua pesara-pesara yang telah disingkirkan daripada buku daftar Responden dipulihkan dan dikekalkan sehingga mereka sendiri ingin berhenti sebagai anggota dalam Responden mengikut UUK 10(3) dan mereka diberi pilihan sama ada hendak kekal sebagai anggota Responden atau tidak.

Bertarikh pada 29 April 2011.

PUAN TAN GHEE PHAIK
PENGGERUSI TRIBUNAL KOPERASI MALAYSIA

TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB
ANGGOTA PANEL SKM

TUAN HAJI ALWI BIN AB JALIL
ANGGOTA PANEL KOPERASI